

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN  
KEBANGSAAN MALAYSIA

TEMPAT: PALACE OF THE GOLDEN HORSES, SELANGOR DARUL EHSAN

TARIKH: 18 DEC 1997

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia kerana menjemput saya dan isteri hadir di Majlis Makan Malam Tahunannya dan seterusnya menyampaikan sepatah dua kata di majlis ini.

2. Majlis ini memberi peluang kepada saya untuk bertemu muka dengan ahli-ahli Dewan walaupun ramai antara yang hadir malam ini saya kenali kerana mereka biasa mengikuti rombongan-rombongan ke luar negeri bersama saya. Majlis seperti ini penting dan berguna kerana di samping merapatkan lagi hubungan silaturahim antara ahli-ahli, ia juga dapat membantu mengukuh dan memantapkan lagi Dewan sebagai badan yang mewakili ahli-ahli perniagaan dan pengusaha-pengusaha negara ini.

3. Saya gembira bahawa hubungan di antara Dewan dan Kerajaan selama ini adalah amat erat dan kedua pihak sentiasa bekerjasama rapat di antara satu sama lain. Di samping itu, wujud hubungan dan persefahaman yang baik di antara pucuk pimpinan Dewan dan Kerajaan. Hubungan erat, kerjasama rapat dan persefahaman ini telah membantu kedua-dua pihak memahami peranan masing-masing dan ini telah membolehkan kedua-duanya menyumbang dengan lebih berkesan kepada pembangunan dan kemajuan negara. Malah hubungan dan kerjasama yang erat inilah yang telah membolehkan Malaysia bangun dengan pesat dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi selama ini. Jelaslah Konsep Persyarikatan Malaysia yang menekankan kerjasama rapat di antara sektor swasta dan Kerajaan telah benar-benar menghasilkan kejayaan. Pada hari ini ahli-ahli perniagaan Malaysia adalah lebih berjaya, dinamik dan dihormati. Mereka membuat pelaburan bukan sahaja di dalam negeri bahkan di luar negeri. Kerjasama rapat di antara sektor swasta dan Kerajaan ini adalah satu contoh 'perkongsian pintar' atau 'smart partnership' yang kini menjadi model ikutan banyak negara membangun lain. Adalah diharapkan kerjasama rapat ini akan berterusan bagi membolehkan negara menghadapi cabaran-cabaran di masa akan datang.

4. Seperti yang kita sedia maklum krisis kewangan dan penurunan nilai matawang yang melanda Asia Tenggara yang

turut mengakibatkan kejatuhan pasaran saham telah meninggalkan kesan buruk ke atas ekonomi negara kita. Krisis yang bermula di Thailand dan merebak hingga ke Hong Kong dan Korea Selatan ini memang tidak diduga dan mengejutkan kita. Betapa tidak. Sejak satu dekad yang lalu negara kita telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Dengan kadar pertumbuhan purata lapan peratus lebih, inflasi yang rendah dan tiada pengangguran, negara kita telah didakwa sebagai model pengurusan ekonomi yang berjaya. Kejayaan ekonomi kita bukanlah datang bergolek ataupun satu 'miracle' seperti yang disebut-sebutkan oleh sesetengah pihak, tetapi adalah hasil usaha gigih, hasil titik peluh kita. Banyak masa, usaha dan perancangan yang telah dijalankan. Tetapi kini kerana tindakan segelintir pihak tertentu negara kita dalam beberapa bulan sahaja telah menjadi miskin dan dilanda pergolakan ekonomi yang sukar dikawal.

5. Krisis kewangan ini tidak menguntungkan dunia. Kemerostotan ekonomi yang dialami oleh negara-negara Asia Tenggara dan pengurangan kuasa membeli mereka sudah tentu akan menjejaskan eksport rakan-rakan dagangan mereka. Akibatnya perdagangan dunia akan turut terjejas. Jika masalah kewangan ini tidak diatasi kita percaya ia akan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi dunia termasuk negara-negara maju. Oleh itu masalah ini perlu diatasi segera demi kepentingan semua pihak.

6. Walaupun kesannya ke atas negara kita setakat ini tidaklah seteruk yang menimpa beberapa negara lain, kita perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Jika kita tidak berhati-hati dan tidak sanggup mengambil langkah-langkah berani dan tegas keadaan kita boleh menjadi sama buruk dengan negara berkenaan. Jika ini berlaku kita akan terpaksa meminta bantuan kewangan antarabangsa yang akan mengenakan berbagai-bagai syarat yang akan menjejaskan kedaulatan negara kita.

7. Namun demikian kita harus akui bahawa semasa kita makmur dan maju kita tidak selalunya mengamalkan amalan yang baik. Ada banyak amalan kita yang meletakkan kita dalam keadaan lemah dan terdedah kepada serangan ganas oleh 'speculators' asing, sama ada ke atas matawang atau pasaran saham.

8. Telah beberapa kali masyarakat pelabur tempatan diberi amaran supaya tidak menjadikan pasar saham sebagai kasino. Tetapi mereka terus menaikkan nilai saham sehingga tidak ada langsung hubungan antara prestasi syarikat dengan harga saham. Mereka mengadakan 'road show' di negara maju untuk menjual dan menaikkan lagi harga saham mereka. Daripada tumpuan berniaga untuk mencari keuntungan, kita telah mengalih tumpuan kepada perniagaan saham. Saham seperti juga dengan wang tidak ada nilai mutlak. Nilainya ditentukan oleh kesanggupan pemain pasaran saham menjual dan membelinya.

Apabila mereka hilang kepercayaan, sama ada secara kebetulan atau kerana sengaja dan tidak lagi sanggup membeli, maka nilai saham akan jatuh kadang-kadang sehingga lebih rendah daripada nilai aset syarikat.

9. Inilah yang berlaku sekarang. Apabila nilai saham jatuh maka rugilah semua pelabur biasa. Jika sebaliknya nilai saham dikait rapat dengan keuntungan syarikat, maka pelabur tidak akan rugi kerana pelaburan akan dibalas dengan dividen yang setimpal. Dan hutang yang tidak terlalu tinggi boleh dibayar dengan perolehan daripada dividen. Bank juga tidak akan meminta bayaran ganti susut nilai saham yang dicagar.

10. Dalam mengurus perniagaan, kos dibiarkan naik kerana harapan akan meraih keuntungan yang besar untuk menampung kos yang tinggi. Pengurus-pengurus syarikat dan semua pegawai profesional dan eksekutif meletak nilai yang amat tinggi terhadap sumbangan mereka. Demikian juga dengan mereka yang baru lulus dari institusi pengajian tinggi yang meminta dan diberi upah yang terlalu tinggi sehingga tidak munasabah. Dengan ini kos barangan dan khidmat menjadi tinggi, menaikkan kos sara hidup masyarakat dan membebankan mereka.

11. Ramai eksekutif yang melompat dari satu syarikat ke syarikat lain kerana mengutamakan gaji yang tinggi. Tidak ada kesetiaan kepada mana-mana syarikat. Dan sudah tentu pengalaman mereka cetek dan kemahiran serta kecekapan mereka dan syarikat berada di paras yang rendah. Dalam bidang yang ternampak boleh memberi pendapatan yang tinggi dan boleh naik dengan mendadak, terdapat ramai yang meninggalkan profesion asal. Dalam bidang broker saham umpamanya terdapat siapa sahaja, daripada berbagai-bagai profesion yang tidak berkaitan, yang ingin semata-mata untuk kaya cepat menjadi 'remisier' dan broker.

12. Dalam suasana mudah untung ini pinjaman diberi oleh sesetengah bank secara kurang bijak. Dan kadang-kadang apabila bank tempatan cuba mengguna kriteria yang baik untuk pinjaman, ramai yang pinjam di luar negeri. Dengan itu hutang negara meningkat. Walaupun hutang luar negara oleh syarikat-syarikat kita tidak sebesar negara-negara tertentu tetapi kesannya buruk juga. Hutang luar negara yang besar inilah yang menyebabkan beberapa negara tersungkur.

13. Sekarang kita menghadapi masalah kejatuhan nilai ringgit yang disertai dengan keruntuhan pasaran saham. Hasilnya ialah ramai daripada kita yang dahulu mengejar kekayaan cepat, rugi dan mungkin muflis. Kerajaan ingin menolong dengan merangka cara-cara bagi mengatasi masalah yang kita hadapi ini dan memulihkan keadaan. Tetapi untuk ini syarikat-syarikat tempatan perlu bekerjasama dengan Kerajaan. Kita perlu disiplin yang kuat. Kita juga perlu berkorban hari ini untuk masa

depan.

14. Saya ingin merayu kepada masyarakat peniaga supaya tidak memburukkan lagi keadaan sekarang melalui tindakan yang tidak bijak seperti tidak percaya kepada matawang kita sendiri dan menyimpan dengan cawangan bank asing atau bank di luar negara. Saya tidak perlu terangkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang lebih arif daripada saya akan kesan perbuatan tersebut. Apa yang kita takut berlaku tetap akan berlaku kerana tindakan kita yang tidak wajar. Kata orang putih apa yang kita lakukan adalah 'self-fulfilling' iaitu apa yang kita jangka akan menjadi kenyataan kerana tindakan kita.

15. Kerajaan sedang berusaha untuk memulih semula ekonomi dengan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan untuk pembangunan dan pengurusan. Kerajaan dan kakitangan Kerajaan sanggup membuat pengorbanan yang besar demi masa depan kita. Kita harus sedar bahawa jika kita tidak tabah hati dan sanggup berkorban sekarang kita akan dipaksa meminta pertolongan dari Dana Kewangan Antarabangsa. Pinjaman yang akan diberi oleh mereka mempunyai syarat-syarat yang akan menjadikan banyak syarikat kita rugi dan muflis. Mereka akan memaksa kita menaikkan cukai walaupun kita sudah miskin; mereka akan menaikkan faedah bank dan mengurangkan kredit untuk peniaga. Mereka berpendapat jika syarikat-syarikat kita muflis dan ditutup, ianya tidak mengapa kerana syarikat-syarikat ini memang lemah, tidak baik dan patut ditutup. Bahawa kelemahan syarikat-syarikat ini disebabkan oleh kejatuhan nilai matawang dan syarat-syarat yang dikenakan oleh mereka tidak dihiraukan. Bahawa ini akan menyebabkan pengangguran dan penderitaan tidak dipedulikan sama sekali. Ini bukan masalah mereka. Ini masalah kita.

16. Kita perlu membuat pilihan antara berkorban secara sukarela sekarang atau dipaksa berkorban lebih lama dan lebih teruk lagi oleh kuasa asing. Bagi kita yang waras tentulah berkorban secara sukarela sekarang lebih baik daripada berkorban kerana dipaksakan oleh orang asing. Untuk keadilan semua kita perlu memikul bersama pengorbanan yang perlu kita lakukan. Tetapi ada antara kita, yang menganggap bahawa sementara orang lain berkorban, mereka boleh memulihkan diri mereka sendiri, bahkan mencari keuntungan untuk diri mereka. Mereka berpendapat bahawa keengganan mereka berkorban sedikit ini tidak akan menjejaskan usaha pemulihan. Pendapat seperti ini berasas kepada tamak haloba. Percayalah jika kita tidak sanggup berkorban dan mendisiplin diri kita, orang lain juga akan tidak sanggup berbuat demikian. Lagi pun tindakan kita akan diketahui umum dan pihak lain akan hilang minat untuk berkorban. Akhirnya lebih ramai yang akan ikut menangguk di air yang keruh ini dan akan gagallah segala rancangan kita untuk memulihkan ekonomi negara kita. Percayalah mereka yang mengkhianati usaha kita akan turut menjadi mangsa

apabila kita gagal dan diletak di bawah pengurusan orang asing. Ketika itu kita bukan sahaja akan hilang kedaulatan dan kebebasan kita, tetapi akibat orang asing ini mengutamakan bayaran balik hutang mereka, tekanan ke atas kita akan lebih teruk lagi dan tiada siapa yang akan dikecualikan, majikan atau pekerja, Kerajaan atau swasta. Ingatlah sejak dahulu lagi matlamat mereka ialah supaya kita tidak akan mampu bersaing dengan mereka. Untuk ini mereka akan menjadikan perusahaan di negara kita tidak lagi kompetitif dan terpaksa ditutup atau diambilalih oleh mereka. Apabila mereka, secara langsung atau tidak, menguasai ekonomi negara kita mereka tetap akan berusaha untuk menjayakan matlamat mereka. Mereka mungkin tidak merancang semua ini tetapi mereka tidak akan melepaskan peluang yang mereka temui.

17. Bagi peniaga dan pengusaha, sikap yang terpenting ialah kesetiaan kepada Negara dan keyakinan kepada matawangnya. Jika peniaga dan pengusaha mengutamakan kepentingan diri dan kurang yakin kepada Ringgit dan mengambil tindakan yang mencerminkan kurang keyakinan ini, maka nilai Ringgit akan terus jatuh. Demikian juga dengan saham. Mereka yang menjual saham apabila sahaja harga saham meningkat sedikit kerana mengejar keuntungan tetap akan menyebabkan pasaran saham terus lembab dan menurun. Kita amat sedih melihat berlaku 'profit taking' apabila sahaja saham naik harga selepas Kerajaan mengisytiharkan tindakan-tindakan tertentu yang melibatkan banyak pengorbanan oleh kakitangan Kerajaan. Sepatutnya peniaga berkorban bersama. Tetapi mereka telah menjual saham yang naik harga untuk mendapat keuntungan.

18. Selagi peniaga dan pengusaha meneruskan amalan-amalan buruk ini, selama itulah kita tidak akan dapat memulihkan keadaan. Selain daripada itu amat penting sekali kita tidak boros dengan membayar gaji yang bukan-bukan kepada diri sendiri dan kakitangan eksekutif yang lain. Gaji, upah dan ganjaran-ganjaran lain di pihak swasta hendaklah diturunkan sama seperti dalam Kerajaan.

19. Majlis Tindakan Ekonomi Negara mempunyai banyak cara untuk memperbaiki dan memulih ekonomi kita. Tetapi semuanya bergantung kepada kesetiaan dan disiplin rakyat.

20. Saya ingin merayu kepada masyarakat peniaga dan pengusaha supaya berdisiplin dan sanggup mengenyahkan kepentingan jangka pendek supaya masalah ekonomi negara dapat diatasi secara berkekalan.

21. Semua Dewan Perniagaan dan Perindustrian, terutamanya Dewan Perniagaan Kebangsaan Malaysia mempunyai tanggungjawab yang besar dalam usaha memulihkan ekonomi negara dan kesihatan ahli-ahli dan masyarakat peniaga dan pengusaha. Saya harap semua Dewan Perniagaan akan menunaikan peranan masing-masing

secara serius dan berkesan dalam usaha kita menangani masalah ekonomi yang kita hadapi.